



NIOASH MALAYSIA NEWSLETTER... BRINGING YOU THE OSH UPDATES

APRIL 2023

Your OSH preferred partner



Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

A Global Perspective on Employee Health and Fitness

What Women Want at Work from Safety & Health Perspective



April 2023

eISSN 2762-7412



Sidang Redaksi

Diterbitkan oleh:

Institut Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan Negara (NIOSH) Malaysia
(243042-U).

Alamat : Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

No. Tel : 03-8769 2100

No. Fax : 03-8926 2900

Emel : general@niosh.com.my

Laman Web : www.niosh.com.my

Penasihat

Haji Ayop Salleh

Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)

Sekretariat

Haji Khairunnizam Mustapa

Noorliza Idawati Mat Nayan

Mohd Hussin Abd Salam

Siti Badariah Binti Abu Bakar

Editor

Joy Khong Chooi Yee

Muhamad Syarizat Azmi

Pengiklanan dan Media

Mohd Hussin Abd Salam

Emel : dl.bmd@niosh.com.my

No. Tel : +6 0 16-559 7399



Sila imbas kod
QR ini untuk
memberi
maklum balas
pada NIOSH
penerbitan

Nota Pengarah Eksekutif

Assalamualaikum W. B. T.

Bismillahirrahmanirrahim.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau (ILO) meraikan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih dikenali sebagai *World OSH Day* pada tanggal 28 April setiap tahun. Objektif utama sambutan ini adalah bagi mempromosikan aktiviti pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di peringkat global.

Tanggal 28 April juga dikenali sebagai Hari Peringatan oleh Kesatuan-Kesatuan Sekerja bagi mengenang jasa dan pengorbanan setiap pekerja yang telah meninggal dunia dan cedera serta bagi menghormati ahli keluarga mangsa yang terlibat di dalam kemalangan di tempat kerja serta yang menderita akibat penyakit pekerjaan.

Pada tahun 2023, ILO telah memilih **Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat Adalah Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja** sebagai tema sambutan World OSH Day. Sebagai majikan, adalah menjadi tanggungjawab utamanya untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada pekerja. Aspek latihan adalah salah satu daripada elemen utama dalam mendidik pekerja untuk mematuhi aspek KKP di tempat kerja. Pelaburan majikan ini dilihat signifikan demi memastikan bukan hanya aspek keselamatan dan kesihatan pekerja bahkan kebajikan mereka juga dipelihara.

Manakala bagi pekerja pula, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan dan mematuhi garis panduan dan sistem kerja selamat yang telah ditetapkan oleh majikan. Pekerja juga harus peka dan sedar akan tanggungjawab utama mereka iaitu memberi perhatian yang munasabah terhadap keselamatan diri sendiri dan orang lain.

Seiring dengan misi NIOSH iaitu menyediakan penyelesaian yang praktikal dalam bidang KKP kepada semua, NIOSH sentiasa bersedia dalam memberikan khidmat rundingan dan latihan berterusan bagi memastikan tempat kerja sentiasa selamat serta amalan budaya kerja selamat dan sihat sentiasa dipraktikkan bagi menjamin kesejahteraan bukan sahaja secara fizikal bahkan secara mental.

Adalah diharapkan agar edisi bulan April ini yang memberikan input berkaitan tema sambutan World OSH Day dapat membantu pembaca memahami bahawa majikan dan pekerja perlu berganding bahu bagi memastikan impak positif dan peningkatan signifikan aspek KKP di tempat kerja. ■

Haji Ayop Salleh
Pengarah Eksekutif
NIOSH

Senarai Kandungan

Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja	3
A Global Perspective on Employee Health and Fitness	4 - 5
What Women Want at Work from Safety & Health Perspective	6
Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Bulan April2023	7 - 13
Poster-Poster Informasi	14 - 15
Keratan-Keratan Akhbar	16

Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

Consultation, Research and Development Department, NIOSH, Malaysia

Konsep Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja adalah berasal dari Hari Memperingati Pekerja yang telah dimulakan oleh pekerja-pekerja Amerika Syarikat dan Kanada pada 1989 sebagai acara tahunan pada setiap 28 April untuk memperingati pekerja yang telah meninggal dunia dan cedera.

Pada Hari Sedunia tersebut, Kerajaan dan persatuan majikan serta pekerja adalah digalakkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk menganjurkan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran di dalam persekitaran kerja masing-masing berlandaskan tema ke arah pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan. Aktiviti berbentuk peningkatan kesedaran ini juga adalah diharapkan dapat diteruskan sepanjang tahun.

Pada kali ini, ILO telah memilih Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat Adalah Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja sebagai tema tahun 2023.

Sebagaimana yang kita maklum, sesuatu kemalangan atau penyakit di tempat kerja akan mengakibatkan penderitaan dan kesengsaraan ke atas pekerja yang malang itu. Malah, pekerja terbabit turut memerlukan rawatan untuk pemulihan dan ini akan menjejaskan kehidupan pekerja itu sendiri dan ahli keluarganya.

Selain daripada itu, kemalangan adalah merupakan suatu kerugian kepada pihak majikan ekoran daripada pembiayaan kos-kos baikpulih, pemberhentian kerja dan juga kos perubatan.

Pihak majikan mestilah meletakkan komitmen dan kefahaman bahawa isu keselamatan pekerja adalah merupakan sebahagian daripada tanggungjawab korporat syarikat dan tidak boleh dipandang remeh. Dan matlamat ini tidak boleh dicapai tanpa persefahaman dan kerjasama antara para majikan dan pekerja.

Hak untuk hidup adalah hak asasi manusia. Hak untuk bekerja di dalam suasana yang selamat dan sihat juga merupakan hak asasi seorang pekerja.

Namun demikian, setiap tahun, menurut ILO, lebih daripada 2.3 juta pekerja dinafikan hak ini dan natijahnya ialah kemalangan, kematian atau kecederaan serta pelbagai penyakit yang disebabkan bentuk kerja atau tempat kerja mereka yang tidak selamat dan sihat.

Mengikut badan dunia itu, walaupun kita tidak dapat meletakkan nilai harga bagi nyawa manusia, pampasan yang diberikan kepada keluarga mangsa

menunjukkan bahawa empat peratus daripada keluaran kasar dalam negara hilang begitu sahaja disebabkan kos pembiayaan kemalangan dan penyakit akibat ketidakhadiran, rawatan perubatan, kecacatan serta imbuhan kepada mangsa yang terselamat.

Di negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, German dan Norway, kos kemalangan dianggarkan berbillion dollar.

Oleh itu cara yang paling berkesan untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja adalah melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang baik.

Walau bagaimanapun, kejadian kemalangan atau penyakit pekerjaan mencerminkan ketidak-sempurnaan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan ianya memerlukan pemerhatian yang teliti.

Dalam hubungan ini, ahli-ahli pengamal dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, perlulah bersedia memikul tanggungjawab menangani pelbagai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang akan timbul.

Sebagai majikan juga, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat. Bagi pekerja pula, adalah menjadi hak mereka untuk bekerja di dalam keadaan yang selamat dan sihat.

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) bukanlah suatu bonus atau penambahan. Mengetahui tentang tanggungjawab masing-masing akan melibatkan semua orang dalam proses pencegahan. Pulangannya adalah tenaga kerja yang selamat dan sihat akan menghasilkan lebih produktiviti. Kita semua, sebagai majikan, pekerja dan kerajaan akan berpeluang untuk menikmati hasil tersebut.

Sepertimana termaklum, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) adalah sebuah institut di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang dipertanggungjawabkan untuk membantuparamajikan dan pekerja di negara ini bagi mempertingkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Peranan yang dimainkan oleh NIOSH adalah untuk mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan warga kerja di Malaysia. Penggubalan dan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 adalah merupakan komitmen pihak Kerajaan terhadap aspek keselamatan dan

kesihatan pekerjaan di negara ini.

Selaras dengan hasrat dan matlamat inilah maka NIOSH telah ditubuhkan dengan misi dan visi untuk menjadi pusat kecermelangan di dalam OSH dan menjadi rakan pilihan kepada industri di dalam bidang OSH dengan menyediakan latihan, khidmat nasihat, menyebarkan maklumat serta menjalankan penyelidikan dalam bidang OSH.

Usaha-usaha ke arah mengurangkan kemalangan semasa bekerja serta mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat iaitu: golongan pekerja, para majikan, pihak pengurusan organisasi atau syarikat serta mereka yang mencipta peralatan dan sistem yang digunakan di tempat kerja.

Sifat bertanggungjawab ini harus lahir dari kesedaran kita sendiri terhadap betapa pentingnya aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Usaha-usaha yang dilakukan oleh kita semua untuk menjaga keselamatan dan kesihatan semasa bekerja dan di tempat kerja harus dilakukan dengan penuh komitmen, kesungguhan dan berterusan.

Kemalangan akan meninggalkan kesan sama ada dari segi fizikal, sosial atau mental ke atas individu yang mengalaminya. Di samping itu, kemalangan juga akan menjejaskan kecekapan sesebuah syarikat dan lebih buruk lagi, pekerja tidak lagi dapat memberikan sumbangan yang sepenuhnya akibat di timpa kemalangan di tempat kerja.

Oleh itu, adalah tidak lagi memadai dengan hanya memberikan arahan kerja kepada pekerja tanpa melengkapkan mereka dengan pendidikan dan latihan yang sesuai untuk membantu mereka memahami kepentingan dalam mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan mereka.

Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sambut setiap tahun pada 28hb April di seluruh dunia bagi memperingati mangsa kemalangan industri dan penyakit pekerjaan oleh kesatuan sekerja di seluruh dunia.

Melalui Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, NIOSH berharap pihak majikan dan kesatuan sekerja di Malaysia dapat menganjurkan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan majikan dan pekerja supaya kemalangan dan penyakit pekerjaan dapat dibendung dan dielakkan. ■

Prioritizing Employee Well-being in the Workplace: A Global Perspective on Employee Health and Fitness

Consultation, Research and Development Department, NIOSH, Malaysia



In recent years, there has been a growing awareness of the importance of global employee health and fitness. Many employers have recognized the benefits of promoting a culture of wellness in the workplace, including improved productivity, engagement, and retention rates, as well as reduced healthcare costs and absenteeism.

Why is Global Employee Health and Fitness Important?

Global employee health and fitness is crucial for both the employee and the employer. A healthy workforce is more productive, engaged, and less prone to absenteeism. Employees who prioritize their health and fitness are better able to focus on their work, meet their goals, and contribute to a positive work environment. Moreover, healthy employees are less likely to experience illness, which means fewer sick days and reduced healthcare costs.

For the employer, investing in global employee health and fitness can lead to improved retention rates and a positive reputation as an employer of choice. A company that prioritizes employee well-being is likely to attract and retain top talent who value a healthy work-life balance.

members of the workforce with physical, psychological, social and organizational conditions that protect and promote health and safety. It enables managers and workers to increase control over their own health and to improve it, and to become more energetic, positive and contented.” Thus, employee health and fitness are part of the initiatives to create a healthy workplace, which in turn, as a key strategy for improving global health. The WHO has developed a Workplace Health Promotion program, which provides guidance on implementing workplace health promotion programs. The program emphasizes the importance of creating a supportive work environment, offering health education and promotion programs, and providing access to health services.

challenges in Malaysia, and they can have a significant impact on the workforce. According to a recent report on Direct Health-care Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia, jointly published by the Ministry of Health (MOH) Malaysia and the WHO, the Malaysian economy bears a significant burden of over RM 9.65 billion each year due to the expenses related to hospitalizations, medical tests, medications, and primary care consultations associated with noncommunicable diseases (NCDs), with a particular focus on cardiovascular diseases, diabetes, and cancer.

Employees with chronic diseases may require more time off work for medical treatment, leading to reduced productivity and higher healthcare costs. By investing in employee health and fitness programs, companies can help to prevent and manage chronic diseases among their employees, leading to a healthier workforce and lower healthcare costs. With the high prevalence of NCDs in Malaysia, this may present a significant challenge for employers who want to promote employee health and fitness, as employees with chronic diseases may require additional support and accommodations to participate in wellness programs.

The cultural outlook towards health and fitness poses another obstacle in Malaysia. The country boasts a rich food culture, where traditional cuisine is frequently laden with sugar, salt, and fat. As a result, adopting healthy eating habits and making time for exercise amidst work and familial responsibilities can be challenging for employees. Furthermore, there may be a social stigma associated with taking time off from work for exercise, coupled with the belief that professional duties should take precedence over personal health and well-being.

Despite these challenges, numerous avenues and opportunities exist for companies to encourage employee health and fitness in Malaysia. One such avenue is the growing accessibility of wellness programs and resources. A significant number of Malaysian firms presently provide their staff with health and wellness programs, such as gym memberships, health check-ups, and nutritious food alternatives. These initiatives can not only enhance employee




Figure 2: WHO Healthy Workplace Model

The International Labour Organization (ILO) has also recognized the importance of promoting global employee health and fitness. The ILO has developed a Healthy Workplace Framework, which highlights the necessity of adopting a holistic approach to workplace health and safety. This framework encompasses promoting healthy conduct, tackling psychosocial hazards, facilitating access to healthcare, and establishing a secure and healthy work environment.

Employee Health and Fitness in Malaysia

In the Malaysian context, promoting employee health and fitness is particularly important given the high rates of chronic diseases in the country. Chronic diseases, such as diabetes and heart disease, are major public health



Figure 1: Relationship between health and wellness (World Health Organization Healthy Workplace Model and Framework, 2010)

Global Employee Health and Fitness: Worldwide Views

The World Health Organization (WHO) has defined a healthy workplace as “a place where everyone works together to achieve an agreed vision for the health and well-being of workers and the surrounding community. It provides all

health and fitness but also boost their morale and engagement levels.

Another prospect lies in the rising awareness of the significance of health and fitness among Malaysians. As chronic diseases become more prevalent, a greater number of individuals are realizing the necessity of taking charge of their health and making constructive lifestyle changes. Employers can tap into this growing awareness by promoting health and fitness initiatives and providing education and resources to help employees adopt healthy habits.

Some steps in Promoting Global Employee Health and Fitness

1. Implement a comprehensive workplace health promotion program based on internationally recognized guidelines such as those from the WHO and ILO.
2. Offer wellness programs that promote physical, mental, and emotional well-being, including on-site gyms, fitness classes, health coaching, mental health resources, and stress management programs.
3. Encourage physical activity by offering incentives for taking the stairs, participating in walking meetings, and providing

discounts for gym memberships.

4. Provide healthy snacks and meals options such as fresh fruit, nuts, and whole-grain snacks.
5. Offer flexible working hours to employees, allowing them to fit exercise and healthy habits into their busy schedules.
6. Lead by example by participating in wellness programs and promoting healthy habits in the workplace.

NIOSH Malaysia's Role in Promoting Employee's Health and Fitness

The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) in Malaysia plays an essential role in promoting and protecting employee health and safety at the workplace. NIOSH provides a range of services to support employee wellness, including the Total Wellness and Health Promotion program, which offers comprehensive health assessments and counselling on physical activity, nutrition and mental health. In addressing mental health issues, NIOSH also has taken a step forward to provide support and programs to the industry such as the Employee Assistance Program (EAP), counselling, support, referral services, training and education.

Additionally, NIOSH Malaysia provides health screening programs through its clinics to detect and manage health conditions that may affect employees' ability to perform their jobs safely and effectively. These services enable employers to enhance the well-being of their employees and reduce the risk of work-related injuries and illnesses, ultimately promoting a healthy and productive workforce. The institute's efforts contribute significantly to global efforts to ensure occupational health and safety standards, benefitting employees and employers worldwide

Conclusion

Prioritizing global employee health and fitness is crucial for both the employer and the employee. By fostering a culture of well-being in the workplace, employers can enhance productivity, engagement, and retention rates, while simultaneously diminishing absenteeism and healthcare expenses. By incorporating established global standards and introducing wellness programs that foster physical, mental, and emotional wellness, employers can establish a supportive work atmosphere that gives primacy to employee well-being. Ultimately, dedicating resources to global employee health and fitness results in a mutually beneficial outcome for all parties concerned. ■



What Women Want at Work from Safety & Health Perspective

Consultation, Research and Development Department, NIOSH Malaysia

Women @ Work

Organization with gender diversity will have more potential to sustain the business performance in terms of financial, motivation and better work environment. Women representation at work will somehow give impact on organizational engagement and performance.

From organizing papers in the office, rapid movement at production line, climbing up steep heights to walking down through narrow tunnels – women are capable to do it all! Women are ambitious and hardworking. Notably, women at this era are more resilient in delivering their task and handling the work requirement despite of taking care of other commitment. Committing to all three daily roles as a an employee, housewife and a mother- women makes it possible to multitask, balance and stay focused. It shows the credibility of managing and leadership of a woman to carry the responsibilities in good order.

Occupational Safety and Health Challenges for Women


Women are not excluded from the exposure of occupational risk at work. This is due to various factors such as gender-based discrimination, stereotyping, and unequal access to resources. There are a lot of other risks and potential risk exist at the workplace, but some of the hazards

and risks may give negative impacts on women’s physical and mental health, career prospects and overall well-being. For instance, they may be exposed to chemicals substances that can harm their reproductive system, suffer from sexual harrasment or bully at work, as well as facing the pregnancy discrimination and career opportunities.

In some cases, woman choose to hide the pregnancy from their employer to retain their employment. Most married women are carrying dual responsibilities of balancing domestic and work, which is termed as “double shift”, making themselves more prone to work-family conflict. This may lead to a stressful environment that can affect the psychosocial and/or physical condition.

Breaking the Bias : Boosting the Energy and Embrace the Equity

As a woman, one needs to have a good coping mechanism for a greater resilient at work. Furthermore, employers play important role in ensuring the gender equity at the workplace by promoting gender-responsive health and safety approach. Establishing an inclusive organisation policy can be a good start to provide protection and welfare especially for women. In Malaysia, Employment Act (amendment) 2022 brings out the improved protection of employees, significantly to female workers including the following:



- i. Increased maternity leave from 60 days to 98 days;
- ii. Entitlement of maternity leave for five (5) or more surviving children;
- iii. New section that prohibits an employer for terminating an employee who is pregnant or suffering any illness arising from the pregnancy (with conditions); and
- iv. Entitlement of seven (7) days paternity leave for male employees - maximum five (5) confinements, irrespective to number of spouses.

Globally, the International Labour Organisation (ILO) has established guidelines of **10 Keys to Gender Sensitive OSH practice**, highlighting gender mainstreaming, consider gender as a factor in risk assessment, workplace design, equipment and Personal Protective Equipment (PPE) for women and men, and working time arrangements and work-life balance. For employers who want to have talented women in the organisation, it’s time to consider on providing what they want at work:

- Flexibility
- Leadership Opportunities
- Protection ■

BLOW THE WHISTLE

Sekiranya anda mengetahui sebarang **Kelakuan Tidak Wajar (KTW)** yang dilakukan atau akan dilakukan oleh mana-mana warga kerja NIOSH seperti meminta, menerima, menawar atau memberi sogokan dan rasuah, anda boleh melaporkan ke alamat e-mel:

whistleblower@niosh.com.my

SCAN HERE

Facebook: nioshmalaysia | Twitter: @NioshMalaysia | Website: www.niosh.com.my

POLISI PEMBERITAHUAN MAKLUMAT NIOSH

NIOSH sentiasa bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan dan mengamalkan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan dan operasi sepertimana yang terkandung di dalam kod etika kerja serta terma dan syarat perkhidmatan.



Sebagai langkah mempertingkatkan lagi pelaksanaan integriti di kalangan warganya, NIOSH dengan ini telah menyediakan ruang kepada kakitangan dan juga individu yang berurusan dengannya untuk mendedahkan sekiranya terdapat sebarang Kelakuan Tidak Wajar (KTW) yang berlaku di NIOSH.

Bagi memperkukuhkan mekanisme pengaduan yang sedia ada, NIOSH kini melaksanakan Polisi Pemberitahuan Maklumat (Whistleblowing Policy) melalui saluran e-mel ke alamat **whistleblower@niosh.com.my** dimana pengadu yang membuat aduan atau menyalurkan maklumat dengan suci hati dan bukan berniat jahat, identiti pengadu dan maklumat akan dirahsiakan atau diberi perlindungan daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.

Facebook: nioshmalaysia | Twitter: @NioshMalaysia | Website: www.niosh.com.my

04 Apr 2023 | OSHTALK secara Atas Talian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)

4 April 2023 - NIOSH telah menerima jemputan daripada Pusat Latihan Pengurusan Akademi Percukaian Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk menyampaikan ceramah dan berkongsi ilmu dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada 50 peserta dari peringkat Eksekutif dan bukan Eksekutif. Ceramah ini disampaikan oleh Puan Siti Badariah, Pengurus Bahagian Penyebaran Maklumat NIOSH. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan aspek keselamatan supaya semua warga kerja LHDN berupaya untuk mengambil langkah pencegahan daripada segala factor yang boleh membawa mudarat sama ada di dalam atau luar pejabat. ■



06 Apr 2023 | Majlis Menandatangani Dokumen Kolaborasi Strategik Dalam Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di antara NIOSH dan Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan

6 April 2023, Bandar Baru Bangi - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan telah menandatangani dokumen kolaborasi strategik dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam pelbagai program melibatkan pelajar dan pensyarah termasuk usaha meningkatkan kualiti pembelajaran, penggunaan fasiliti, kempen-kempen kesedaran dan lain-lain lagi.

Pihak NIOSH diketuai oleh Pengarah Eksekutif, YBrs. Tuan Haji Ayop bin Salleh, manakala Politeknik Port Dickson diwakili oleh Pengarah, Dr Ishak bin Mohamad. Pegawai kanan dari kedua-dua organisasi juga turut hadir ke majlis tersebut. ■



08 Apr 2023 | Kota Kinabalu -Majlis Infaq dan Iftar Ramadan NIOSH Bersama Asnaf, dan Golongan yang Kurang Bernasib Baik

8 April 2023, Kota Kinabalu - Majlis Infaq dan Iftar Ramadan NIOSH bersama asnaf telah diadakan di Sabah International Convention Centre (SICC).

Majlis yang bertujuan untuk menyantuni golongan muaf, ibu tunggal, anak yatim dan insan-insan lain yang kurang bernasib baik khususnya di kawasan Sepanggar.

Program anjuran NIOSH ini turut disokong oleh Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Cawangan Sabah, Pejabat Parlimen Sepanggar, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sabah dan WP Labuan.


Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia; Tuan A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia yang juga Pengerusi NIOSH.

Majlis telah dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu bertajuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Menurut Pandangan Islam. YB Timbalan Menteri juga menyampaikan sumbangan kepada 80 orang asnaf dewasa dan kanak-kanak dan seterusnya berbuka puasa bersama semua tetamu yang hadir.

YB Timbalan Menteri melalui ucapannya menyeru agar lebih ramai pihak memainkan peranan bagi menjayakan program-program sebegini, selaras dengan konsep Malaysia Madani yang bertunjangkan membina kesejahteraan, sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian serta belas ihsan sesama manusia.




YB Timbalan Menteri juga turut menyerahkan surat tawaran Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berinsentif RMK-12 Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sabah dan WP Labuan kepada 4 orang penerima.

Turut hadir ke majlis ini ialah ahli Lembaga Pengarah NIOSH dan NIOSH Certification, Pengarah jabatan dan agensi Kementerian Sumber Manusia Cawangan Sabah, Timbalan Yang Dipertua MUIS, pemimpin-pemimpin masyarakat, wakil Sepanggar, perwakilan media dan kakitangan NIOSH dan NIOSH Certification. ■




12 Apr 2023 | OSHTALK secara Atas Talian Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

12 April 2023 - NIOSH telah menerima jemputan daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk menyampaikan ceramah bertajuk 'Overview of Emergency Response at the Workplace' kepada warga kerja KTMB atas talian. Ceramah ini disampaikan oleh Tuan Haji Muhammad Zaeem Bin Mokhtar, Pakar Teknikal Jabatan Pendidikan dan Latihan di Pejabat Wilayah. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan aspek kepentingan tindak balas kecemasan di tempat kerja dan juga kesedaran keselamatan jalan raya.



12 Apr 2023 | OSHTALK di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

12 April 2023 - NIOSH telah menerima jemputan daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk menyampaikan ceramah kursus Kesedaran Pengurusan Risiko Di Tempat Kerja (HIRARC) kepada warga kerja KUIS di Kajang, Selangor. Ceramah ini disampaikan oleh Tuan Haji Sharonnizam Noordin, Pengurus Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan NIOSH. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan aspek keselamatan dan pengurusan risiko di tempat kerja bagi menghadapi situasi yang tidak terduga.



13 Apr 2023 | Lawatan dari Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ke Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

13 April 2023, Bandar Baru Bangi - Lawatan dari Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ke Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dalam rangka kerjasama strategik bagi manfaat veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Antara agenda perbincangan adalah berkaitan Program Reskilling & Upskilling Veteran ATM 2023 yang akan dilaksanakan pada tahun ini. JHEV dan NIOSH bekerjasama dalam menjayakan inisiatif kerajaan bagi membantu para veteran dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam ATM.

Delegasi JHEV diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah JHEV, Puan Syarina binti Kassim dan pihak NIOSH pula diwakili oleh Tn. Mejar Haji Hanif Maidin (B). Turut hadir pegawai-pegawai dari kedua-dua organisasi.

JHEV dan NIOSH juga bersetuju untuk bekerjasama dalam pelbagai program dan aktiviti jangka panjang dengan objektif memperkasa veteran. ■



13 Apr 2023 | Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara NIOSH dan Khalil Trading and Services Sdn Bhd (KTS)

13 April 2023, Bandar Baru Bangi - NIOSH menjalin kerjasama dengan Khalil Training and Services Sdn Bhd (KTS) dalam program latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Satu majlis menandatangani memorandum perjanjian telah diadakan antara NIOSH dan KTS bertempat di ibu pejabat NIOSH di Bandar Baru Bangi. Majlis tersebut telah dihadiri oleh pengurusan tertinggi dari kedua-dua organisasi, pihak NIOSH diketuai oleh Setiausaha Eksekutif, Mejar (B) Hj Hanif Maidin bagi mewakili Pengarah Eksekutif; manakala pihak KTS pula diwakili oleh Pengarah Urusan Tn Hj Ir Mohamad Khalil Ishak.

Skop perjanjian adalah melibatkan penyewaan fasiliti di NIOSH yang digunakan sebagai bilik latihan bagi kursus anjuran KTS. Usaha NIOSH ini bertujuan untuk membantu penyedia latihan tempatan yang memerlukan sokongan dan bantuan khususnya

melibatkan aspek fasiliti, peralatan dan kelengkapan latihan.

Inisiatif NIOSH ini bertujuan untuk memberi kemudahan bukan sahaja penyedia latihan berstatus kecil dan sederhana, malah ia juga dapat memudahkan majikan dan pekerja yang mendapatkan perkhidmatan latihan dari penyedia latihan yang tiada kemudahan fasiliti berdekatan. ■



28 Apr 2023 | Sambutan Hari Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2023

28 April 2023 - Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2023.

Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, pertama kali diperkenalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 2003. Tujuan sambutan ini adalah untuk mempromosikan keadaan kerja yang selamat, sihat, dan sejahtera; serta dapat meningkatkan kesedaran akan kepentingan mencegah kemalangan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan.

Tarikh 28 April dipilih untuk memperingati letupan di Loji Kuasa Nuklear Chernobyl yang terletak di Bandar Pripyat dalam Wilayah Kyiv, Ukraine (dahulu dibawah Kesatuan Soviet sehingga 1991). Malapetaka yang berlaku pada tahun 1986 tersebut telah mengakibatkan kematian banyak pekerja dan responden kecemasan, dan memberikan impak jangka panjang terhadap kesihatan dan keselamatan masyarakat sekeliling.

Sejak itu, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia disambut setiap tahun pada 28 April untuk mempromosikan pencegahan kemalangan dan penyakit

pekerjaan. Mana-mana organisasi dan individu perlu berusaha meningkatkan persekitaran kerja ke arah yang selamat dan sihat.

Dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia Negara, Kementerian Sumber Manusia akan terus komited dan berusaha untuk memastikan setiap pekerja di Malaysia berada di dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Kerjasama pihak kerajaan, majikan dan pekerja melalui pelbagai saluran dan inisiatif strategik akan membawa kepada Malaysia yang lebih maju dan makmur. ■



NIOSH WILAYAH UTARA (ALOR SETAR) MULA BEROPERASI

Lot U-01 Bazaar, Level 1, Souq Commercial Centre, Lot 3569, Jalan Tun Razak, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Alamat: Lot U-01 Bazaar, Level 1, Souq Commercial Centre, Lot 3569, Jalan Tun Razak, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Untuk pendaftaran kursus di <https://edafar.niosh.net.my>

Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Puan Roseyanti bt Ahmad Tajuddin - 04-7362252 / 016-517 7167

AWARENESS PROGRAMME COURSE BANDAR BARU BANGI

PROCESS SAFETY MANAGEMENT (PSM-RL) (REMOTE LEARNING)

Course Fee: RM636.00 (Inclusive of 6% GST)

edafar.niosh.net.my/npcp

OR **Whatsapp: +6019-2316608 AZMAN BIN SIDEK**

SKILLS COMPETENCY, TRAINERS AND AWARENESS PROGRAM MAY 2023

NIOSH SOUTHERN REGIONAL OFFICE (JOHOR BAHRU)

✓ CEP Points (Refer DOSH Guidelines)

COURSE	CODE	DATE	PRICE
Working Safely at Height	WAH	08-09 May 19-20 May 29-30 May	RM 839
Ergonomics and Manual Handling in the Workplace	EMHW	8-9 May	RM 848
Basic Occupational First Aid	BOFA	10-11 May 23-24 May	RM 892
Occupational Health Doctor Workshop (Remote Learning)	OHD-RL	13-14 May	RM 212
Basic Safe Handling of Forklift Truck	SHFTT	15-16 May	RM 901
Understanding, Evaluating and Implementing Effective HIRARC at the Workplace	UIH	15-17 May	RM 1,272
Basic Rigging and Slinging	BRS	18-19 May	RM 733
Fire Watcher Safety	FWS	24 May	RM 424
OSH Train The Trainer Competency Based Programme	TTT1	22-26 May	RM 1,578
Emergency Preparedness & Response Plan	ESHK	29-30 May	RM 848
Mental Health Awareness	MHA	31 May	RM 424

Contact Us at

En Rafie 016 - 703 5775
En Azlan 017 - 933 8963
Pn Noorizza 017 - 710 1280

SCAN ME

<https://edafar.niosh.net.my/>

[Link Course Content:](http://www.niosh.com.my/course-programmes)
<http://www.niosh.com.my/course-programmes>

Facebook : NIOSH Wilayah Selatan (JOHOR) Email : sro@niosh.com.my www.niosh.com.my

1 SEMINAR

06 Apr



Online Seminar
SAFETY AND HEALTH COMMITTEE ACTIVITIES ISSUES AND CHALLENGES

YURAN : RM53
 (Termasuk 6% SST)

TARIKH : 06 APRIL 2023 (KHAMIS)
MASA : 9 PAGI – 12 T/HARI

* Seminar ini **TIDAK MENYEDIAKAN** mata kredit CEP

- Sesi seminar 3 jam sahaja
- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- **SIJIL PENYERTAAN** disediakan

Untuk mendaftar :
<https://edaftar.niosh.net.my>



PROF. MADYA DR. MOHD RAFFEE BIN BAHARUDIN
 -DIRECTOR-
 OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH, UPM

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
 WhatsApp : 019-2316608 (Sekretariat)
 Email : dl.tscd@niosh.com.my

19 Apr



Online Seminar
THE DANGERS OF NOISE
 HOW MUCH DO YOU KNOW ?

YURAN : RM53
 (Termasuk 6% SST)

TARIKH : 19 APRIL 2023 (RABU)
MASA : 9 PAGI – 12 T/HARI

* Seminar ini **TIDAK MENYEDIAKAN** mata kredit CEP

- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- **SIJIL PENYERTAAN** disediakan

Untuk mendaftar :
<https://edaftar.niosh.net.my>



DR. NOR AZALI BIN AZMIR
 - NOISE RISK ASSESSOR (NRA) COURSE -
 (CONSULTANT / CERTIFIED TRAINER & SPEAKER)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
 WhatsApp : 019-2316608 (Sekretariat)
 Email : dl.tscd@niosh.com.my

15 Apr



Online Seminar
BEHAVIOUR BASED SAFETY (BBS)
 BUILDING AN EFFECTIVE SAFETY CULTURE

YURAN : RM53
 (Termasuk 6% SST)

TARIKH : 15 APRIL 2023 (SABTU)
MASA : 9 PAGI – 12 T/HARI

* Seminar ini **TIDAK MENYEDIAKAN** mata kredit CEP

- Seminar online di Aplikasi Zoom Meeting
- Terbuka hanya kepada PESERTA yang telah membuat bayaran sahaja
- **SIJIL PENYERTAAN** disediakan

Untuk mendaftar :
<https://edaftar.niosh.net.my>



ZULKARNAIN MOHD SAID
 -BEHAVIOUR BASED SAFETY (BBS) EXPERT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
 WhatsApp : 019-2316608 (Sekretariat)
 Email : dl.tscd@niosh.com.my

2 OSHTALK

13 Apr

OSH TALK Sharing Session

INTRODUCTION TO ERGONOMIC RISK ASSESSMENT (ERA)

Thursday | 13/04/2023 | 11.00am - 12.00pm

facebook nioshmalaysia
LIVESTREAM

Mohd Nur Ikhwan Shafiee
Executive Consultation, Research & Development Department (CRDD), NIOSH Malaysia

3 BUAL BICARA

18 Apr

BUAL BICARA KKP

Tips Keselamatan di Jalan Raya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Selasa | 18/04/2023 | 11.00am - 12.00pm

facebook LIVE nioshmalaysia

Moderator

Panel

Pn. Ruzita Shariff
Pakar Teknikal
Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah (ETD&RO)


DSP Mohd Irwan bin Abdul Rahim
Pegawai Turus Kawalan Lalulintas (Major Event/Hubungan Luar)
Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik
Polis Diraja Malaysia (PDRM)



NIOSH is inviting

OSH COMPETENT PERSON & OSH PRACTITIONER

to share your experience and stories related
to the discipline



Imbas Kod QR

KRITERIA / SYARAT PENULISAN
ARTIKEL SUMBANGAN KEPADA
NIOSH serta Borang Serahan
Bahan Terbitan

Send your write-up to us at

idd@niosh.com.my

FOLLOW US NOW



nioshmalaysia



REGISTER NOW!

OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH COORDINATOR (OSH-C) GERAN PERKESO 2023

TEMPAT TERHAD
8 KELAS | 160 PESERTA

RM477.00
(inclusive of 6% SST)

- PROGRAM UNTUK MAJIKAN YANG MENCARUM KEPADA PERKESO SAHAJA
- SETIAP PESERTA MEMPUNYAI MAJIKAN YANG BERDAFTAR DENGAN PERKESO

Pengambilan 1 : 19/05/2023 – 21/05/2023	NIOSH HQ, B.B.BANGI, SELANGOR
Pengambilan 2 : 09/06/2023 – 11/06/2023	NIOSH HQ, B.B.BANGI, SELANGOR
Pengambilan 3 : 13/06/2023 – 15/06/2023	SUTERA HOTEL, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Pengambilan 4 : 28/07/2023 – 30/07/2023	CRYSTAL CROWN HOTEL, PORT KLANG, SELANGOR
Pengambilan 5 : 04/08/2023 – 06/08/2023	NIOSH HQ, B.B.BANGI, SELANGOR
Pengambilan 6 : 25/08/2023 – 27/08/2023	CRYSTAL CROWN HOTEL, PORT KLANG, SELANGOR
Pengambilan 7 : 22/09/2023 – 24/09/2023	SUTERA HOTEL, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Pengambilan 8 : 27/10/2023 – 29/10/2023	NIOSH HQ, B.B.BANGI, SELANGOR

Jika anda memerlukan bantuan atau maklumat lanjut mengenai Kursus OSH-C dibawah geran PERKESO untuk 2023, Anda boleh menghubungi pegawai NIOSH seperti berikut:

Mr Edli Armi Abdul Rani
<https://wa.me/60122265689>

Ms Nurul Ashikin Abdullah
<https://wa.me/60111849305>

UNIT LATIHAN NIOSH HQ (Bandar Baru Bangi)
SHO / SHOP / SHOM / SHOW / SHEP / OSH-C
Email : sho.niosh.hq@gmail.com

www.niosh.com.my



MALAYSIA MADANI VISION ZERO Safety, Health, Wellbeing

8TH BOSH
BORNEO OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH CONFERENCE AND EXHIBITION 2023

20 & 21 JUNE 2023

SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE,
KOTA KINABALU, SABAH

"TRANSFORMING BORNEO FOR A RESILIENT TOMORROW"

Sponsored by

TOPSAFE
SAFETY FOOTWEAR

<https://bosh.niosh.com.my/>



KURSUS PENSIJILAN PENYELARAS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH COORDINATOR)

Dengan kerjasama
JHEV ATM & NIOSH

PROGRAM RESKILLING & UPSKILLING VETERAN ATM 2023

Kursus akan dijalankan secara bersemuka di 17 pejabat NIOSH seluruh negara khusus untuk Veteran ATM yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

TIADA YURAN DIKENAKAN

Tarikh tutup permohonan :
28 April 2023 (Jumaat)

AYUH DAFTAR SEKARANG

Untuk Mendaftar :
<https://forms.gle/Ec3va5EXv2sgcvAR6>

RESPONSIF | PRIHATIN | KOMITED

